

Tenazah adik Dr Siti Hasmah dikebumi

BM 18 SEP 2001

KUALALUMPUR. Isnin - Jenazah Datuk Jaffar Mohd Ali, adik isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Jalan Ampang di sini, jam 3 petang ini.

Jenazahnya yang tiba di Stesen Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Subang dengan pesawat TUDM dari Singapura jam 9.30 pagi ini, diiringi Dr Siti Hasmah serta balunya, Datin Juriah Jaffar.

Ketibaan jenazah itu di lapangan terbang disambut Perdana Menteri, Da-

tuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta anggota keluarga lain, termasuk abang Jaffar. Jen (B) Tan Sri Hashim serta kakaknya, Datuk Paduka Saleha.

Jenazah kemudian dibawa ke kediamannya di 109, Jalan Ampang Hilir untuk memberi peluang kepada saudara-mara serta sahabat handai memberi penghormatan terakhir kepadanya.

Antara kenamaan yang hadir ialah Pemangku Raia Selangor, Raja Idris Shah; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Radawi; Ketua Men-

teri Melaka, Datuk Wira Ali Rustam; Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Menteri Pembangunan Masyarakat dan Perpaduan Negara, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman; Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Datuk Mahadzir Mohd Khir; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman; Timbalan Presiden MCA, Datuk Lim Ah Lek; Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan Ketua Pengarang Kumpulan The New

Straits Times Press (M) Bhd, Tan Sri Abdullah Ahmad.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin kemudian mengimamkan solat jenazah kira-kira jam 2.25 petang sebelum jenazah itu dibawa tanah perkuburan untuk dikebumikan.

Jaffar, 68, seorang tokoh industri pengiklanan, meninggal dunia kerana sakit jantung, pada 13 September lalu, ketika sedang bercuti bersama keluarga di Chicago.

Beliau meninggalkan seorang anak perempuan, Safina.